

NEO-PENOTRAN PESSARY

Metronidazole (500mg), Miconazole Nitrate (100mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan NEO-PENOTRAN
2. Bagaimana NEO-PENOTRAN berfungsi
3. Sebelum menggunakan NEO-PENOTRAN
4. Cara menggunakan NEO-PENOTRAN
5. Semasa menggunakan NEO-PENOTRAN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan NEO-PENOTRAN
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan NEO-PENOTRAN

NEO-PENOTRAN digunakan untuk rawatan keradangan faraj (*vaginitis*) dengan gejala seperti membakar, gatal-gatal, keputihan yang tidak normal, bengkak dan kemerahan pada faraj.

Bagaimana NEO-PENOTRAN berfungsi

NEO-PENOTRAN ialah produk dalam bentuk peluru (pesari) yang digunakan dengan meletakkannya ke dalam faraj. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dinamakan antibakteria (berkesan melawan bakteria), antiprotozoal (berkesan melawan parasit), antikulat (berkesan melawan penyakit kulat).

Sebelum menggunakan NEO-PENOTRAN

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan NEO-PENOTRAN jika anda alah (hipersensitif) kepada mana-mana

bahan dalam produk ini (*lihat senarai komposisi*)

- Sebelum mula menggunakan

Sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini jika:

- Anda kerap mengambil alkohol
- Anda mengalami atau pernah mengalami masalah hati
- Anda mempunyai penyakit sistem saraf
- Anda sedang menjalani dialisis buah pinggang
- Anda hamil, atau mungkin hamil
- Anda sedang menyusu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ada harus sentiasa memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat lain termasuk yang diperoleh tanpa preskripsi:

- Ubat pencair darah (anti-koagulan oral)
- Anti-sawan (*phenytoin*, *phenobarbital*)
- Ubat mengurangkan asid perut (*cimetidine*)
- Ubat anti-diabetik (*glimepiride*)
- Ubat anti-asma (*theophylline*)
- Ubat anti-alergi (*astemizole* dan *terfenadine*)
- Ubat untuk gangguan irama jantung (*amiodarone* dan *procainamide*)
- Ubat untuk penindasan sistem imun (*cyclosporine*)
- Ubat untuk inkontinens kencing atau kebocoran (*oxybutynin* dan *tolterodine*)
- Ubat untuk rawatan alkohol (*disulfiram*)
- Ubat terhadap psikosis dan kemurungan (*lithium*)
- Ubat untuk rawatan epilepsi (*carbamazepine*, *phenytoin* dan *phenobarbital*)

Keputusan ujian makmal mungkin berubah semasa anda menggunakan NEO-PENOTRAN kerana gangguan pada enzim hati, glukosa (kaedah *hexokinase*), *theophylline* dan *procainamide* telah diperhatikan. Jika ujian darah perlu dibuat, ingatkan doktor bahawa anda menggunakan NEO-PENOTRAN.

Cara menggunakan NEO-PENOTRAN

- Berapa banyak haru digunakan

Jangan gunakan tanpa berunding dengan doktor. Jika ia tidak dinasihatkan sebaliknya oleh doktor, satu pesari perlu dimasukkan ke dalam faraj pada waktu malam selama 14 hari, ataupun satu pesari di waktu malam dan satu pesari di waktu pagi untuk 7 hari. Dalam kes berulang, satu pesari perlu dimasukkan ke dalam faraj pada waktu malam selama 14 hari.

Bagi pesakit tua (lebih daripada 65 tahun): Dos sama seperti orang dewasa yang lebih muda.

Kanak-kanak: Tidak disyorkan untuk kanak-kanak.

Tidak boleh ditelan atau digunakan melalui laluan lain.

Penggunaan NEO-PENOTRAN dalam tempoh haid tidak digalakkan kerana keberkesanan produk mungkin terjejas atau menghadapi kesukaran penggunaan.

- Bila perlu digunakan

NEO-PENOTRAN hanya digunakan di dalam faraj.

NEO-PENOTRAN tidak boleh ditelan atau digunakan melalui laluan lain.

Basuh tangan anda dengan teliti sebelum menggunakan ubat. Berbaring sebelum menggunakan ubat. Tarik sedikit kaki anda ke atas. Letakkan satu pesari ke dalam faraj dan tolak sedalam yang mungkin. Selepas aplikasi, basuh tangan anda dengan bersih dan jika boleh baring supaya tidak berdiri selama setengah jam.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan NEO-PENOTRAN untuk tempoh masa yang disyorkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa. Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang keraguan.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda telah menggunakan lebih banyak NEO-PENOTRAN daripada yang anda perlukan, hubungi doktor atau hospital anda dengan segera. Jika boleh, tunjukkan kepada mereka ubat yang tinggal. Rawatan perubatan mungkin diperlukan.

Semasa menggunakan NEO-PENOTRAN

- Perkara yang perlu dilakukan

Ikuti arahan penggunaan NEO-PENOTRAN seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang keraguan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Anda tidak boleh mengambil alkohol semasa terapi dan sekurang-kurangnya 24-48 jam selepas akhir rawatan kerana

kemungkinan meningkat ketidakserasian alkohol. Anda tidak boleh gunakan pesari bersama dengan diafragma kontraseptif dan kondom sebab asas pesari faraj boleh menjejaskan getah, yang mana mungkin boleh pecah.

Jangan berhenti menggunakan NEO-PENOTRAN melainkan diberitahu oleh doktor anda.

Jangan gunakan NEO-PENOTRAN untuk merawat sebarang keadaan lain melainkan doktor anda memberitahu anda.

Jangan berikan atau cadangkan NEO-PENOTRAN kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin

NEO-PENOTRAN tidak mempunyai pengaruh terhadap keupayaan memandu dan menggunakan mesin. Walau bagaimanapun, jika anda merasakan sebarang kesan sampingan seperti pening, letih, lemah, jangan memandu atau menggunakan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, NEO-PENOTRAN boleh menghasilkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

NEO-PENOTRAN boleh menyebabkan kesan sampingan pada kardiovaskular, sistem saraf pusat, gastrousus dan tindak balas kulit.

Berhenti menggunakan NEO-PENOTRAN dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami mana-mana gejala berikut:

Kesan Sampingan yang Sangat Serius:

- Ruam kulit yang serius
- Bengkak di muka, bibir, lidah dan tekak, sesak nafas

Jika anda mempunyai salah satu daripada ini, ini bermakna anda alah kepada NEO-PENOTRAN. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera atau kemasukan ke hospital. Semua kesan sampingan yang sangat serius ini agak jarang berlaku.

Jika anda mendapati salah satu daripada yang berikut, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi hospital terdekat anda dengan segera:

Kesan Sampingan yang Teruk:

- Sawan seperti epilepsi (kekejangan)
- Berjalan seperti mabuk (ataxia)
- Perubahan mental, kemurungan
- Kelemahan, sakit, kesemutan pada tangan dan kaki (simptom neuropati periferal)
- Pengurangan dalam sel darah putih (leukopenia)
- Sakit kepala, pening
- Keletihan atau kelemahan
- Perubahan rasa, rasa logam
- Mulut kering, dahaga
- Loya, muntah, hilang selera makan
- Sakit perut atau kekejangan
- Sekatan usus atau cirit-birit

Ini semua adalah kesan sampingan yang teruk. Mungkin memerlukan rawatan perubatan kecemasan. Kesan sampingan yang teruk ini sangat jarang berlaku.

Jika anda mendapati mana-mana yang berikut, maklumkan kepada doktor anda:

Kesan Sampingan Ringan:

- Membakar, gatal-gatal, kerengsaan, lelehan, ruam kulit
- Sakit perut

Ini adalah kesan sampingan ringan NEO-PENOTRAN.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda melihat apa-apa lagi yang membuat anda berasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga mungkin berlaku pada sesetengah orang

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan NEO-PENOTRAN

- Penyimpanan

Jauhkan ubat ini daripada pandangan dan capaian kanak-kanak.
Simpan di bawah 30°C.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput .

- Pelupusan

Jika doktor anda memberitahu anda untuk berhenti menggunakan NEO-PENOTRAN atau NEO-PENOTRAN anda telah melepasi tarikh luputnya, tanya ahli farmasi atau doktor anda apa yang perlu dilakukan dengan ubat yang tertinggal.

Jangan membuang sisa atau produk yang telah tamat tempoh ke dalam tong sampah.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Pesari berbentuk peluru berwarna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
Metronidazole, Miconazole nitrate

- Bahan tidak aktif:
Hard fat

- Nombor MAL
MAL20032405AZ

Pengilang

Exeltis Ilac San. Ve Tic. A.S.
Cerkezkoy Organize Sanayi
Bolgesi, Gaziosmanpasa
Mahallesi, Fatih Bulvari,
No:19/2 Cerkezkoy-Tekirdag,
Turkey.

Pemegang Pendaftaran Produk

Eurodrug Laboratories (M) Sdn
Bhd
T2-21-10, The Square,
One City, Jalan USJ 25/1C,
47650 Subang Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
30/01/2023

Nombor Siri

NPRA (Rx/x)xxxxxx/xxxxx